



كمتريڤ كبروايان بليادان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Garis Panduan Bagi Kesiediaan Operasi Tahap 2 Padang Golf Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

15 Jun 2020

GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI : TAHAP 2

Merujuk Garis Panduan Bagi Kesediaan Operasi Tahap 1 yang dikeluarkan pada 16 Mei 2020, dimaklumkan bahawa Langkah-langkah Kesediaan Operasi Tahap 2 : Padang Golf yang digariskan dalam dokumen ini akan dilaksanakan bermula pada hari **Isnin, 15 Jun 2020** sehingga waktu yang dimaklumkan kemudian. Langkah-langkah ini dikenakan pada semua padang golf di Negara Brunei Darussalam.

Dibawah Garis Panduan Kesediaan Operasi Tahap 2: Padang Golf adalah seperti berikut :

1. **Dibenarkan kepada 4 pemain** dalam satu *flight*.
2. **Kenderaan *Buggy* masih dikekalkan iaitu hanya boleh menampung seorang pengguna** pada satu masa.
3. *Clubhouse* restaurant / cafeteria dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 60% dalam satu masa**
4. Syarat dan garispandu lain adalah dikekalkan seperti sebelumnya.

Perincian lanjut digariskan dalam Lampiran A.

- Dibenarkan beroperasi.
- Menghadkan kapasiti **50% daripada kapasiti biasa** dalam satu masa.
- Membukakan kepada ahli yang berdaftar sahaja.
- Patron hendaklah mendaftar lebih awal (tempahan awal).
- **Dibenarkan kepada 4 pemain** dalam satu *flight*.
- **Sebuah *buggy* untuk seorang** dan hendaklah disanitasi sebelum dan selepas digunakan, atau mereka boleh berjalan di laluan padang dengan menarik troli mereka sendiri.
- Pemain hendaklah membawa dan menggunakan peralatan mereka sendiri.
- Mematuhi penjarakan fizikal 2 meter pada setiap masa.
- Mereka yang mengalami simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan untuk bermain.
- Memastikan garis panduan penjarakan sosial, termasuk garis panduan tertentu yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
- Pemain golf hendaklah membiarkan tiang bendera berada di dalam lubang. Tiang bendera hanya boleh disentuh dengan memakai sarung tangan dan mengambil pukulan leret dalam jarak sekaki dari lubang.
- *Driving Range* dibuka. Bola hendaklah disanitasi sebelum dan selepas setiap penggunaan.

Penggunaan setiap kelab dan fasiliti hendaklah mematuhi peraturan kerajaan. Bagi persediaan operasi tahap 2, langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan.

1. TANGGUNGJAWAB KELAB DIBAHAGIKAN KEPADA TIGA ASPEK: GARIS PANDUAN UMUM, TEMPAHAN DAN PERATURAN *CLUBHOUSE*

a. Garis Panduan Umum.

- (1) Padang Golf dibenarkan beroperasi pada kadar **kapasiti 50% dalam satu masa.**
- (2) *Clubhouse* restaurant / cafeteria dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 60% dalam satu masa.**
- (3) Melaksanakan pemeriksaan suhu badan dan menyediakan sanitasi di pintu masuk dan di tempat yang bersesuaian di seluruh Padang Golf.
- (4) Membuat pendaftaran dan rekod yang sesuai di pintu masuk bagi tujuan pengesanan kontak, jika diperlukan. (Setiap kelab perlu mendaftar melalui aplikasi *Bruhealth* di laman sesawang www.healthinfo.gov.bn/register untuk penjaan QR code bagi pendaftaran pemain).
- (5) Padang Golf dibukakan untuk ahli sahaja, dan dikehendaki untuk mendaftar lebih awal.
- (6) **Dibenarkan kepada 4 pemain** dalam satu *flight*. Pemain tunggal juga dibenarkan dan digalakkan.
- (7) Setiap pemain akan disediakan sebuah *buggy* atau mereka boleh berjalan di laluan padang dengan menarik troli sendiri.
- (8) Kemudahan *locker room Clubhouse* ditutup.
- (9) Individu yang mengalami simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan untuk bermain.
- (10) Menjaga penjarakan fizikal 2 meter pada setiap masa.
- (11) Mengelakkan sebarang kontak fizikal.
- (12) Pemain hendaklah membawa peralatan, tuala dan botol air sendiri.
- (13) Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.

- (14) Papan tanda dan poster langkah-langkah pencegahan COVID-19 hendaklah dipaparkan.
- (15) Untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148.

b. Tempahan.

- (1) Kelab dan fasiliti hendaklah menyelenggara sistem tempahan dan memperuntukkan *tee time* bagi memastikan keselamatan kakitangan dan pemain golf.
- (2) Jumlah maksimum bagi pemain golf pada setiap *tee time* hendaklah mengikut peraturan bagi **empat (4) pemain bagi satu flight**.
- (3) Jarak masa minima di antara *tee time* adalah 10 minit, tetapi jika jarak masa yang lebih lama diperlukan, ianya adalah tertakluk kepada pihak kelab atau fasiliti tersebut.

c. Peraturan Clubhouse.

- (1) Jumlah maksimum pengguna hendaklah ditentukan oleh pihak *Clubhouse* restaurant / kafeteria dan mestilah mengikut peraturan yang ditetapkan bahawa had untuk beroperasi adalah pada **kapasiti 60%** dalam satu masa.
- (2) *Clubhouse* atau mana-mana kawasan yang dalam lingkungan hendaklah ditutup. Perkumpulan sebelum atau selepas permainana di dalam atau kawasan *clubhouse* adalah tidak dibenarkan.
- (3) Penggunaan penting secara terhad, contohnya, tandas dibenarkan dan perlu disanitasi.
- (4) Pihak kelab atau fasiliti hendaklah terlebih dahulu memaklumkan pemain mengenai keperluan penjarakan sosial semasa mereka tiba di kelab atau fasiliti dan selepas selesai bermain.
- (5) Pihak kelab atau fasiliti hendaklah menyediakan prosedur bagi memastikan keperluan penjarakan sosial dipatuhi di bangunan selepas sebelum pemain memulakan permainan.
- (6) Jumlah pembantu *clubhouse* adalah dihadkan untuk *starters* dan *buggy operators* sahaja. Mereka tidak dibenarkan untuk menyentuh atau mengangkat beg pemain. Sebaik sahaja pemain tiba di tempat letak kereta *clubhouse*, mereka hendaklah mengambil *buggy* yang telah ditentukan, memandunya ke kereta mereka masing-masing untuk mengambil beg golf mereka dan bersedia untuk bermain pada jarak yang selamat dengan pemain yang lain.

- (7) Semua pembantu *clubhouse* hendaklah menggunakan topeng muka dan sarung tangan apabila mendapatkan semula bugi yang ditinggalkan di tempat letak kereta.
- (8) *Buggy* hendaklah disanitasi oleh pihak *clubhouse*, Pemain digalakkan untuk membawa *disinfectant* mereka sendiri sebagai perlindungan.
- (9) Troli, kart atau barang lain tidak boleh disewakan kecuali jika amalan sanitasi dilaksanakan terlebih dahulu.

2. TANGGUNGJAWAB PEMAIN GOLF

a. Pendaftaran.

- (1) Pemain golf hendaklah mengimbas QR code kelab golf dan fasiliti dan *Clubhouse* kafeteria atau restaurant sebaik sahaja ketika tiba dan selesai bermain bagi tujuan pengesanan kontak jika diperlukan.

b. Hal-hal yang berkaitan dengan golf.

- (1) Pemain golf hendaklah memastikan bahawa mereka sentiasa menjaga jarak sekurang-kurangnya 2 meter semasa permainan (kawasan tee, berjalan menuju bola, mencari bola dan semasa memukul bola).
- (2) Pemain golf tidak boleh menyentuh bola yang terbiar.
- (3) Penggunaan rak tidak dibenarkan di atas padang. Pemain golf hendaklah berusaha sendiri untuk melembutkan pasir dengan menggunakan klub atau kaki mereka.
- (4) Pemain golf tidak boleh menyentuh bendera.
- (5) Pin hendaklah tetap berada di tempatnya di atas padang. Lubang boleh ditutup dengan mengangkat penutup ke atas tanah. Mana-mana bola yang terkena penutup atau pin tersebut dianggap masuk lubang.
- (6) Pembersih bola dan pancuran air minum tidak boleh digunakan sehingga suatu masa yang dibenarkan.
- (7) Penjarakan sosial adalah penting dan pemain golf hendaklah meninggalkan padang dan kelab atau fasiliti dengan segera supaya tidak ada perkumpulan di kawasan rumah kelab sehingga waktu yang dimaklumkan kemudian.